

24 JUL 2001

JASERI-PORSCHE

JASERI SASARKAN JUAL 60 PORSCHE DALAM SETAHUN

SHAH ALAM, 24 Julai (Bernama) -- Jaseri Auto Sdn Bhd, pengimport tunggal berlesen kereta Porsche ke Malaysia, berharap akan menjual 60 buah kereta mewah buatan Jerman itu dalam tempoh setahun akan datang.

Pengerusi Datuk Mokhzani Mahathir berkata syarikat itu mensasarkan untuk menjual 50 buah kereta Saab, Rover dan General Motor dalam tempoh yang sama.

Jaseri juga merupakan pengedar tunggal kereta Porsche di negara ini.

Sejak dilantik sebagai pengedar Porsche bulan lepas, Jaseri telah menjual lima Porsche Boxters dan dua Porsche Carrera GT, kata Mokhzani kepada pemberita selepas pembukaan bilik pameran Auto Eurokars Sdn Bhd bernilai RM4 juta oleh Raja Muda Selangor Tengku Idris Shah, di sini hari ini.

"Walaupun bilangan sasaran kereta bagi kedua-dua model Porsche untuk dijual agak tinggi, kami yakin akan mencapai sasaran itu," katanya.

Beliau berkata sasaran jualan itu adalah berdasarkan kepada kuota yang ditetapkan oleh Porsche AG setelah kajian tentang penerimaan pasaran di negara ini.

Jaseri mempunyai dua bilik pameran -- satu di Taman Perusahaan Temasya di Shah Alam dan satu lagi di Jalan Tun Razak di Kuala Lumpur.

Kedua-duanya diuruskan oleh Auto Eurokars yang turut mengendalikan perkhidmatan selepas jualan dan bengkel penyelenggara di Shah Alam. --

BERNAMA

RIZ MFJ KTC JR